



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جِبَاتِنَا هَالِ الْاَهْوَالِ الْاِيسْلَامِيَّةِ سَابَاہِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

28 SYAWAL 1444H / 19 MEI 2023M

GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Kementerian Pendidikan Malaysia

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 15/05/23

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 16/05/2023

DIBACA PADA : 19/05/2023

DILULUSKAN OLEH : **BAHARUDIN HJ. ALWI**

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ

خَيْرٌ ﴿١١﴾ (سورة المجادلة (58): 11)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “**GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI**” yang merupakan tema hari guru tahun 2023.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya Islam sangat mementingkan ilmu pengetahuan. Bahkan Allah SWT mengiktiraf kedudukan orang yang berilmu, sebagaimana dalam surah al-Mujadilah ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ

خَيْرٌ ﴿١١﴾

Yang Bermaksud: "...Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan."

(QS al-Mujadilah (58):11)

Ayat tersebut jelas menunjukkan Allah SWT mengangkat tinggi nilai-nilai keilmuan dan yang berkaitan dengannya, termasuklah orang yang menyampaikan ilmu dan penuntut ilmu. Ini menunjukkan martabat guru sangat tinggi dan mulia selaras dengan ketinggian ilmu itu sendiri.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Guru berperanan sebagai duta rahmah yang sentiasa kreatif dan inovatif untuk mendepani gelombang transformasi Pendidikan. Mereka bertanggungjawab melahirkan generasi muda yang patriotik, berilmu dan memiliki jati diri yang kukuh untuk mendepani kehidupan di dunia dan menggapai kebahagiaan di akhirat. Guru juga berperanan menyediakan pengajaran yang bermakna, membimbing dan mentarbiyah anak bangsa

sehingga mencapai maqasid pendidikan dan *karamah insaniyah* dengan pembudayaan Ilmu.

Dari Abu Umamah Al-Bahili, Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah dan malaikat dan seluruh penduduk langit dan bumi sehinggakan semut di dalam lubang dan ikan di lautan turut mendoakan guru yang mengajar kebaikan kepada manusia.”*

(HR al-Tirmizi)

Kerjaya sebagai seorang guru merupakan pekerjaan yang mulia. Mereka bukan sahaja berilmu dan menyampaikan ilmu, malah mereka juga adalah *muallim, mudarris, muaddib, murabbi* dan *mursyid* yang merujuk kepada peranan dan penglibatan guru terhadap usaha-usaha membentuk akhlak dan kecemerlangan para pelajar.

Sedarlah siapa pun kita pada hari ini, di manapun kedudukan kita, semuanya adalah hasil daripada jasa dan pengorbanan guru. Justeru, wajarlah mereka dihargai bersesuaian dengan kedudukan dan kemuliaan guru yang telah di angkat dalam Islam.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesuai dengan nilai dan makna pendidikan, maka hari ini, peranan guru sangat besar dan sangat mencabar untuk melahirkan pelajar yang cemerlang ilmu dan adab. Untuk ini guru perlu memberi komitmen yang terbaik sekaligus merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik dan sekali gus mewujudkan suasana “Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Adab dalam menuntut ilmu sangat dititik beratkan untuk mendapat keberkatan. Imam Malik Rahimahullah pernah berkata pada seorang pemuda Quraisy:

Maksudnya: *“Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu.”*

Begitu juga para sahabat Rasulullah SAW sangat memuliakan guru mereka. Urwah ibn Mas’ud menceritakan bagaimana para sahabat nabi amat menghormati guru mereka iaitu Rasulullah SAW. Menurut beliau:

Maksudnya: *“Para sahabat akan bercakap dengan suara yang rendah (sopan) ketika bertutur dengan Baginda SAW, serta tidak menajamkan pandangan mereka (merenung dengan tajam) kerana menghormati Rasulullah SAW”.*

Imam Nawawi berkata dalam kitab al-Majmu’: *“Seorang murid hendaklah melihat gurunya dengan pandangan penghormatan. Hendaklah dia meyakini keahlian gurunya berbanding yang lain. Kerana perkara itu akan menjadikan seorang murid dapat mengambil banyak manfaat daripadanya, dan lebih dapat memberi kesan dalam hati terhadap apa yang didengari daripada guru tersebut.”*

Justeru, jelaslah kepada kita bahawa adab ketika menuntut ilmu akan mewujudkan hubungan harmoni antara guru dan murid. Nilai ini sudah pastinya dapat melahirkan generasi pelajar yang beretika dan bersahsiah tinggi untuk mendepani keperluan semasa dan cabaran akan datang bagi melahirkan insan cemerlang.

Dewasa ini cabaran sebagai seorang pendidik bukan hanya berhadapan dengan karenah murid-murid di sekolah sahaja. Hilangnya rasa hormat dan adab kepada seorang guru telah menjadi perkara biasa. Jika nilai hormat kepada guru kian pudar, kita bimbang hilangnya keberkatan dalam menuntut ilmu. Justeru sidang jumaat sekalian, marilah kita saling berganding bahu membantu guru untuk memastikan anak-anak kita memiliki adab dalam menuntut ilmu. Rasulullah SAW pernah bersabda:

Maksudnya: *“Bukanlah termasuk golongan kami orang yang tidak menghormati yang tua, tidak menyayangi yang muda, dan tidak mengetahui keutamaan ulama kami.”*

(HR Imam Ahmad)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khutbah jumaat pada hari ini ingi merumuskan dan menyeru kepada seluruh umat Islam supaya:

Pertama : Umat Islam hendaklah menyakini bahawa menuntut ilmu merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu.

Kedua : Umat Islam hendaklah menyakini bahawa menghormati guru merupakan satu amalan yang mulia khususnya untuk memperoleh keberkatan dalam menuntut ilmu.

Ketiga : Umat Islam hendaklah memahami bahawa peranan melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik adalah tanggungjawab bersama.

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

(QS al-Ankabut (29): 69)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوعْ وَفَخَامَةَ الرَّيِّيسِ
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com